

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), KUALA LUMPUR

TARIKH: 18 NOV 1994

MASA:

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Bagi pihak parti dan Majlis Tertinggi saya mengucapkan selamat datang kepada ketua-ketua dan wakil-wakil parti-parti komponen Barisan Nasional, para tetamu, para perwakilan dan para pemerhati yang hadir di Perhimpunan ini.

2. Hari ini kita bersidang sekali lagi dalam Mesyuarat Agung Tahunan parti kita, UMNO, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, atau Pekembar. Alhamdulillah, UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1946 masih ada dan masih cergas, bahkan masih terus berkuasa dan berjaya. Peristiwa 1987/1988 sudah berakhir dengan harta UMNO dikembalikan kepada UMNO dan UMNO Baru kembali menjadi UMNO sahaja, iaitu UMNO yang asal sebenarnya.

UMNO MILIK MELAYU DAN BUMIPUTERA

3. Kebanyakan mereka yang meninggalkan UMNO kerana kecewa dan mereka yang menyebabkan UMNO diharamkan oleh mahkamah, sudah sedar akan kesilapan mereka dan sudah kembali ke pangkuan parti. Alhamdulillah, kita bersyukur kerana kesedaran dan pegangan mereka kepada parti dan perjuangan UMNO. Pintu UMNO masih terbuka, terbuka kepada semua, terbuka kepada yang tinggalkan UMNO, terbuka kepada yang tidak pernah menjadi ahli UMNO, yang muda dan yang tua, kawan dan musuh, asalkan mereka menerima tujuan dan konsep perjuangan UMNO. Semua dialu-alukan. UMNO bukan milik orang tertentu, bukan hak sesiapa. UMNO adalah hak orang Melayu dan sekarang ini hak Bumiputera lain juga.

4. UMNO berpandu kepada dasar negara. Islam menjadi pegangannya. Islam diperjuangkan. Tetapi UMNO menerima Bumiputera yang bukan Islam yang bebas mengamalkan agama mereka. Tidak ada paksaan supaya mereka menganuti agama Islam. Dan mereka juga tidak menghalang perjuangan UMNO untuk Islam.

UMNO BEKERJASAMA DENGAN KAUM LAIN

5. Walaupun UMNO parti orang Melayu dan Bumiputera lain, namun UMNO juga bertanggungjawab kepada warganegara Malaysia daripada kaum-kaum dan agama-agama lain. Perjuangan UMNO

bukan untuk menidakkan hak kaum lain, bahkan UMNO akan mempertahankan hak kaum lain yang tidak menidakkan hak orang Melayu dan Bumiputera. Kepentingan dan keperluan bukan Bumiputera akan diambilkira dan dilayani.

6. Ini tidak bermakna kita ingin mengambilalih peranan rakan-rakan kita dalam parti-parti komponen Barisan Nasional. Kita menghormati parti-parti Komponen Barisan Nasional yang mewakili kaum-kaum lain. Kita menghormati perjuangan mereka yang tidak bertentangan dengan prinsip dan kerjasama Barisan Nasional. Tetapi sebagai anggota Barisan Nasional, UMNO turut sama bertanggungjawab terhadap kaum-kaum lain.

7. Bahawa pendekatan UMNO ini adalah waras telah diakui oleh parti-parti lawan. Kata perpatah Inggeris, "Imitation is the best form of flattery" atau peniruan adalah bentuk sanjungan yang tertinggi. Parti-parti lawan, PAS dan DAP, telah cuba bekerjasama ala Barisan Nasional dalam tahun 1990. Semasa Pilihanraya Umum tahun 1986, PAS bekerjasama dengan Jawatankuasa Perundingan Cina atau 'Chinese Consultative Committee', satu kumpulan yang memperjuangkan apa yang dikatakan hak orang Cina.

8. Benar mereka gagal. Tetapi hakikatnya ialah PAS dan DAP sanggup meniru apa yang UMNO telah buat. Oleh itu, kerjasama UMNO dan kaum-kaum lain tidak wajar dijadikan sebagai isu oleh mereka. Kita tahu hari ini pun PAS bekerjasama dengan orang Thai Buddhist, dengan orang Cina tertentu di Kelantan dan dengan DAP di seluruh negara. Dahulu PAS mengharamkan kerjasama di antara orang Islam dengan bukan Islam. Kononnya Islam melarang. Seperti biasa PAS mentafsir ajaran Islam mengikut kepentingan semasa mereka. Apabila kepentingan politik PAS memerlukan kerjasama dengan bukan Islam, PAS dengan rela hati bekerjasama dengan mereka. Tafsiran lama diketepikan dan tafsiran baru dibuat. Tidak ada 'consistency' dalam perjuangan PAS. Bagi mereka apa sahaja boleh dibuat atas nama Islam jika kepentingan politik parti mereka memerlukannya.

USAHA PECAH BELAH ORANG MELAYU DAN ISLAM

9. Baru-baru ini kedengaran sekali lagi desakan untuk melarang PAS daripada menggunakan perkataan Islam dalam nama parti politik mereka. Ingin saya jelaskan bahawa kelulusan nama PAS atau Parti Islam SeMalaya atau nama Inggerisnya 'Pan Malayan Islamic Party' (PMIP) diberikan oleh British di zaman penjajah. British memang mengamalkan dasar 'divide and rule' atau 'pecah dan perintah'. Ketika UMNO sedang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan, pemerintahan British telah meluluskan penubuhan Parti PAS yang menentang tuntutan kemerdekaan. Niat British tentulah jelas.

10. Kita bernasib baik kerana percubaan British untuk memecahbelahkan orang Melayu dengan mengadakan parti alternatif bagi mereka tidak begitu berjaya pada masa itu.

Dalam Pilihanraya Umum pertama tahun 1955, pilihanraya yang menentukan sama ada Malaya merdeka atau tidak, PAS telah menentang kemerdekaan. Menurut pemimpin-pemimpin PAS ketika itu, orang Melayu dan negeri-negeri Melayu masih lemah. Jika tidak ada British melindungi orang Melayu, maka orang Cina dengan kekuatan ekonomi mereka akan membeli pemimpin-pemimpin Melayu dan menguasai Malaya yang merdeka.

11. Alhamdulillah, hujah PAS ini ditolak oleh sebahagian besar orang Melayu dengan begitu keras sehingga mereka enggan menaiki kereta PAS semasa pergi mengundi pada tahun 1955. PAS hanya menang satu kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Dengan itu, gagallah rancangan British untuk membuktikan bahawa ramai orang Melayu menolak kemerdekaan. Rundingan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO, yang disokong oleh parti-parti lain dalam Perikatan, berjaya menghasilkan kemerdekaan pada tahun 1957.

12. Tetapi rancangan penjajah untuk meninggalkan 'time-bomb' atau bom jangka di kalangan orang Melayu tetap berjaya. Parti Islam SeMalaya terus kekal dalam Malaya dan Malaysia yang merdeka. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian Kerajaan Malaysia tidak dapat berbuat apa-apa terhadap penyalahgunaan perkataan Islam oleh PAS kerana ianya telah dibenarkan oleh pihak British dahulu. Kita tidak boleh berbuat apa-apa kerana di antara tahun 1955 hingga tahun 1959 PAS telah berjaya mempengaruhi sebilangan besar orang Melayu melalui tohmahan dan fitnah kononnya UMNO tidak Islam dan PAS itu Islam dan Islam itu PAS. Tanpa segan silu PAS memeralatkan agama dan menyalahafsirkan ajaran Islam dengan sewenang-wenangnya sehinggakan dalam Pilihanraya Umum tahun 1959, apabila PAS mendakwa bahawa orang UMNO adalah kafir, ramai di kalangan orang Melayu mempercayainya. Sebilangan besar guru-guru agama pondok turut menerima dakwaan ini kerana PAS menjanjikan mereka, yang tidak pernah diberi tempat di zaman British, akan menjadi calon PAS dan menjadi Yang Berhormat dan mendapat gaji yang tidak pernah mereka nikmati sebelum itu. Dengan penyertaan guru-guru agama, maka pengaruh PAS berkembang dengan luas. Tidak hairanlah jika pada Pilihanraya Umum tahun 1959 mereka dapat menawan Kelantan dan Terengganu.

13. Dengan begitu ramai orang Islam dan tok guru-tok guru menyokong PAS, maka penggunaan perkataan Islam kepada parti oleh pemimpin-pemimpin PAS sudah tidak dapat dibatalkan lagi. Jika percubaan dibuat untuk membatalkan kelulusan yang diperolehi daripada penjajah, PAS akan menjadikan perkara ini isu politik yang besar. Mereka akan menuduh UMNO mengharamkan Islam dan bukan mengharamkan penggunaan perkataan 'Islam' dalam nama parti PAS. Melihat peristiwa Al-Arqam, tentulah kita tahu bahawa orang Melayu, termasuk yang terpelajar, mudah menerima apa sahaja hujah asalkan dibuat atas nama Islam.

14. Kita sedar bahawa terdapat juga di negara-negara Islam lain penggunaan perkataan Islam pada parti-parti politik. Tetapi di kesemua negara ini perpecahan yang ketara berlaku

di kalangan orang Islam. Demikian permusuhan antara parti-parti yang perkataan Islam menjadi sebahagian daripada nama mereka dengan parti-parti orang Islam yang lain sehingga beratus ribu orang Islam terbunuh, cedera parah dan harta benda bernilai berbilion ringgit musnah. Atas nama persaudaraan Islam, keganasan terhadap orang Islam dilakukan sehingga tidak ada keamanan sama sekali. Dengan itu, hampir semua negara Islam ini menjadi lemah, mundur dan mudah diperalatkan oleh musuh-musuh Islam. Namun masih lagi tidak ada kesedaran bahawa orang yang berselindung di belakang perkataan Islam adalah salah satu daripada punca kelemahan umat Islam.

15. Di Malaysia juga ramai yang tetap akan mempertahankan penggunaan nama Islam kepada parti, kerana kononnya ini bermakna parti itu adalah parti Islam. Bahawa tindak-tanduk parti 'Islam' ini jauh lari daripada ajaran Islam tidak diambilkira. Dengan ini, berjayalah strategi penjajah untuk memecahbelah dan melemahkan orang Islam di Malaysia.

16. Hari ini PAS dengan beraninya mendakwa bahawa sesiapa yang tidak menyokong tindakannya adalah tidak Islam. PAS kononnya adalah Islam dan Islam kononnya adalah PAS. PAS kononnya akan bekerjasama dengan UMNO jika UMNO menerima Islam. Sekali lagi secara tidak langsung PAS menyoal keIslaman orang UMNO dan mengkafirkan UMNO.

17. Sementara mudah bagi kita mematahkan ajaran sesat oleh Al-Arqam yang bukan parti politik, adalah sukar bagi kita mematahkan ajaran sesat parti politik yang memperalatkan Islam. Walau sejauh mana sekalipun parti ini menyeleweng, kita dapati masih ada yang menyokong parti politik ini dan bersedia untuk mengecap Kerajaan sebagai anti-Islam jika tindakan diambil supaya digugurkan perkataan Islam daripada nama parti ini.

JANGAN GHAIRAH MENGHUKUM

18. Baru-baru ini seorang pemimpin Kerajaan Barisan Nasional didakwa kononnya telah mencabul kehormatan seorang wanita Islam. PAS begitu ghairah memainkan isu ini sebagai isu politik. Dalam perkara ini mereka membelakangkan undang-undang yang digubal oleh mereka sendiri yang mereka dakwa sebagai Hukum Hudud. Jika benarlah mereka percaya kepada undang-undang mereka tentulah mereka tidak akan mempolitikkan peristiwa tersebut.

19. Jika dikuatkuasakan undang-undang PAS ini, maka awal-awal lagi orang yang dituduh akan didapati tidak bersalah kerana tidak ada empat orang saksi yang tidak berdosa besar yang melihat pencabulan berlaku secara jelas. Sebaliknya, wanita yang dikatakan menjadi mangsa didapati hamil. Mengikut undang-undang PAS, kehamilan di luar nikah adalah bukti berzina. Hukum PAS terhadap orang yang berzina ialah rejam dengan batu atau disebat selepas anak dilahirkan. Dengan demikian yang dituduh mencabul dilepaskan dan yang dicabul dihukum.

20. Tetapi kerana kepentingan politik, undang-undang PAS sendiri tidak dihormati oleh PAS. Yang penting ialah politik, bukan keadilan dalam Islam. Jelas sekali bahawa PAS sendiri tidak menerima undang-undangnya. Mereka menggubal undang-undang kerana ingin memperdayakan pengikut-pengikut mereka bahawa PAS berpegang kepada ajaran Islam. Sampai bilakah pengikut dan penyokong PAS akan terus tidak sedar? Sampai bilakah mereka akan membenarkan diri mereka ditipu oleh PAS dan dipermainkan oleh bekas penjajah? Sampai bilakah Islam akan diperalatkan oleh PAS? WaAllah wa'alam.

21. Saudara-saudari sedia maklum bahawa keadilan PAS sebenarnya adalah kezaliman. Tetapi nampaknya kita juga mudah melakukan kezaliman. Dalam kes yang sama, kita begitu ghairah untuk menghukum. Kita baru mendengar cerita daripada sebelah pihak sahaja, itu pun melalui surat layang, kita sudah pun yakin bahawa orang itu bersalah. Apakah surat layang boleh dipercayai? Apakah tujuan surat layang? Apakah tujuannya keadilan?

22. Akhbar yang biasanya mengecam surat layang telah menerimanya sebagai punca yang boleh dipercayai. Daripada berita angin, akhbar menjadikannya kebenaran, 'legitimate', asas untuk mencungkil, mengecam dan menghukum.

23. Ada orang yang telah 'paraphrase' petikan Shakespeare dalam perlakonan 'Julius Caesar'. "Bukanlah saya kurang sayang kepada sipolan, tetapi saya lebih sayang kepada UMNO". Ingin saya ulangi bahawa tokoh Roma yang berkata, "It is not that I love Caesar less, but that I love Rome more", adalah Brutus, anak angkat Caesar, yang bersama-sama dengan Casca, Cassius dan ahli-ahli komplot lain telah menikam dan membunuh Caesar.

24. Apabila Brutus menikam Caesar, bapa angkatnya memandang mata Brutus dan berkata, "Et tu Brute", "Engkau pun Brutus", lalu Caesar jatuh dan menghembuskan nafas terakhir.

25. Apakah kita boleh menjadikan Brutus sebagai contoh? Orang politik kerap memberi alasan yang 'noble' apabila melakukan yang salah. Demikianlah PAS dengan Islam dan Brutus dengan Rome.

26. Peguam Negara telahpun berkata tidak ada kes. Apakah reaksi mereka yang ghairah untuk menghukum?

27. Baru-baru ini sebuah akhbar British telah melaporkan sesuatu mengenai negara kita. Menurut akhbar ini, walaupun Malaysia ternampak maju, walaupun ekonominya tumbuh lapan peratus setahun, walaupun inflasinya rendah, walaupun ia aman, walaupun pelaburannya tinggi, walaupun tidak ada tindakan perusahaan, tetapi sebenarnya Malaysia adalah di ambang kemusnahan.

28. Penyakit 'walaupun' ini terdapat juga di kalangan kita.

Walaupun Peguam Negara telah memutuskan tidak ada kes, walaupun tarikh-tarikh yang disebutkan itu tidak tepat, walaupun yang mendakwa jelas membohong, tetapi sebenarnya dakwaan yang dibuat lebih tepat daripada segala bukti yang dinyatakan. Justeru itu, ada pihak yang merasakan bahawa kita tolak sahaja segala kenyataan dan teruskan dengan pemburuan, kecaman dan hukuman.

29. Sesiapa yang cuba menegur tindakan yang tidak adil ini akan dicap sebagai orang yang ingin menegak benang basah. Justeru itu, untuk menyelamatkan diri sendiri adalah lebih baik kita menyertai pemburu. Bagi pihak ini, jangan pedulikan keadilan kepada rakan yang sudah jatuh serta keluarganya, anak-pinaknya. Dalam politik utamakan kepentingan diri dahulu.

30. Mungkin ada yang berkata, jika kita perlu berpegang kepada yang rasmi, kenapakah parti menjatuhkan hukuman awal-awal lagi? Ingin saya jelaskan bahawa hukuman yang dikenakan bukan kerana kesalahan yang dijadikan isu.

31. Pemimpin Kerajaan tidak boleh melakukan apa-apa yang boleh menyebabkan sangkaan buruk terhadap dirinya. Pemimpin Kerajaan bukan sahaja dikehendaki bersih, tetapi juga hendaklah ternampak bersih. Tidaklah mencukupi jika kita sebenarnya bersih tetapi ternampak kotor.

32. Justeru itu, Parti menjatuhkan hukuman dengan harapan semua pihak berhenti di situ sahaja. Malangnya ia tidak berhenti di situ. Mereka yang jatuh perlu dipijak-pijak. Demikianlah tabiat manusia.

KEMAJUAN LUAR BIASA NEGARA

33. Sebenarnya kita berhak menepuk belakang kita sendiri. Kita telah berjanji akan mengembalikan maruah bangsa, agama dan tanahair. Untuk mengembalikan maruah kita, yang perlu dibuat bukanlah mendesak orang lain supaya menghormati kita, jangan menghina kita atau menulis dalam ensaiklopedia bahawa kita malas. Desakan dan tuntutan tidak akan mengubah pandangan orang lain terhadap kita. Hanya yang boleh mengubah pandangan mereka ialah bukti yang jelas bahawa mereka salah dan kita bukan seperti yang didakwa oleh mereka tetapi sebaliknya kita adalah bangsa yang bertamadun tinggi, cekap dalam serba-serbi, berilmu dan mengamalkan nilai-nilai hidup yang mulia dan murni, dan kita jelas berjaya.

34. Hari ini kerana usaha kita semua, Malaysia sudah dianggap sebagai negara contoh. Bukan sahaja ekonomi negara kukuh dan berjaya beralih daripada negara pertanian dan pengeluar bahan mentah kepada negara industri yang eksportnya 78 peratus terdiri daripada barangan buatan yang canggih, tetapi semua ini dicapai walaupun penduduknya bukan daripada satu kaum sahaja bahkan daripada berbagai-bagai kaum, berbagai-bagai agama, berbagai-bagai budaya dan berbagai-bagai bahasa.

35. Jangan sesiapa memikirkan keamanan di negara ini adalah

perkara kebetulan sahaja. Lihatlah negara-negara lain di mana terdapat penduduk berbilang kaum; hampir semuanya bergelora, tegang, bahkan mengalami sengketa kaum sehingga ke tahap perang saudara atau 'civil war'. Dan negara-negara yang diduduki atau diperintah oleh orang Islam, banyak yang lemah, mundur daripada segi keilmuan dan industri, dan kadangkala tidak dapat menguruskan kekayaan mereka dengan baik.

36. Jika Malaysia berbeza, jika Malaysia aman dan mencapai kemajuan yang luar biasa, antara sebabnya ialah kerana rakyat dan Kerajaan bekerjasama dan matang dalam menangani isu-isu negara. Pekerja, petani, pemodal, pengusaha, peniaga, pegawai; semuanya berganding bahu dan menolong menjayakan Wawasan negara.

37. Tidak terdapat banyak tindakan perusahaan yang menakutkan pelabur dan membazirkan masa bekerja dan produktiviti. Dengan itu, pendapatan pekerja meningkat. Ia meningkat kerana dengan tidak ada banyaknya tindakan perusahaan, para pelabur menjadi lebih yakin dan sanggup membuat pelaburan sehingga lebih banyak peluang kerja diwujudkan daripada bilangan pekerja yang ada. Tidak ada seorang pun antara rakyat Malaysia yang sanggup bekerja yang tidak mendapat peluang kerja dengan upah yang baik. Demikianlah keadaannya sehinggakan ramai pekerja asing, seramai satu juta, datang dengan susah payah untuk bekerja di Malaysia.

38. Teori sosialis ialah pemodal menindas pekerja dan pekerja mesti menentang mereka dan mengadakan tindakan perusahaan untuk mendapatkan layanan yang adil daripada majikan. Kita telah buktikan bahawa strategi yang lebih baik bagi pekerja ialah dengan mewujudkan iklim perusahaan yang tenang dan stabil. Dengan ini pelaburan meningkat dengan banyaknya sehingga peluang bekerja bertambah dan majikan berebut-rebut untuk mendapatkan pekerja, terutama yang cekap. Dan untuk mendapat pekerja ini atau menentukan pekerja mereka tidak berpindah ke perusahaan yang lebih sanggup memberi upahan yang lebih tinggi, pengusaha dan majikan terpaksa menaikkan upahan dan memberikan layanan yang lebih baik.

39. Tindakan perusahaan mungkin boleh menaikkan pendapatan pekerja. Tetapi ia juga akan menjejaskan pelaburan serta pengwujudan peluang-peluang kerja. Dengan ini, pengangguran akan bertambah, ekonomi tidak akan tumbuh dan inflasi akan meningkat kerana upah meningkat tanpa tambahan produktiviti. Akhirnya daya saing dan ekonomi negara merosot. Jika hari ini Malaysia dapat mengeksport barangan buatan ke negara-negara yang dikatakan maju, sebabnya ialah kos pengeluaran mereka adalah terlalu tinggi sehingga barangan mereka tidak berdayasaing lagi dengan barangan kita di pasaran dunia, bahkan di negara mereka. Dengan kemerosotan ini industri mereka terpaksa ditutup dan pengangguran bertambah. Jelaslah bahawa tindakan perusahaan yang boleh menjejaskan daya saing kita tidak akan menguntungkan pekerja.

40. Sebaliknya, pendekatan kita berjaya menambah peluang kerja yang dengan sendirinya menyebabkan pendapatan pekerja naik tanpa menjejaskan perusahaan-perusahaan kita.

PENDEKATAN KITA SENDIRI

41. Ada juga ahli-ahli UMNO yang terdiri daripada pekerja dan ahli kesatuan sekerja. Mereka harus faham dan menerima cara dan pendekatan kita, yang bukan hasil tiruan falsafah dan pendekatan orang lain tetapi adalah hasil ciptaan kita sendiri. Berbanggallah dengan pendekatan ciptaan kita dan janganlah membenarkan diri kita atau rakan-rakan kita terpengaruh dengan simpati pura-pura pekerja Barat dan kesatuan sekerja mereka, kerana niat mereka bukanlah kebaikan kita tetapi demi pemulihan ekonomi negara mereka dan taraf hidup mewah mereka.

42. Yakinlah bahawa dengan pendekatan kita, pekerja kita akan mencapai kehidupan yang lebih baik. Namun pekerja harus ingat bahawa kita adalah negara perdagangan, dan negara perdagangan yang tidak mampu bersaing akan gagal. Persaingan bergantung kepada produktiviti, iaitu peningkatan pengeluaran yang mengimbang kenaikan upah.

43. Pihak majikan pula harus ingat bahawa sepertimana peningkatan produktiviti kerana usaha pekerja boleh dinikmati bersama oleh pemilik perusahaan, demikian juga peningkatan produktiviti dan keuntungan kerana tambahan pelaburan atau peningkatan efisiensi melalui sistem produktiviti baru atau jentera baru seperti robot, oleh majikan hendaklah dinikmati juga oleh pekerja. Kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara tidak bermakna, jika pekerja tidak dapat menikmati bersama taraf hidup yang meningkat.

44. Dasar Ekonomi Baru (DEB) sudah berakhir dan sudah digantikan dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Ini tidak bermakna bahawa matlamat DEB untuk menyusun semula masyarakat supaya tidak ada pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi dan pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum sudah dilakukan. Matlamat ini masih dijunjung oleh Kerajaan.

45. Alhamdulillah, kita telah mencapai banyak kejayaan dalam usaha membasmi kemiskinan. Mereka yang benar-benar tidak mampu menolong diri sendiri, yang daif, yang cacat, yang tua dan yang tidak sihat, semuanya diberi bantuan secara langsung. Yang lain diberi peluang untuk dilatih dan bekerja supaya pendapatan mereka meningkat dan keluarga mereka berada di atas paras kemiskinan keluarga di negara kita. Tidak kurang pentingnya ialah usaha kita untuk membendung inflasi supaya daya belian rakyat terutamanya golongan yang miskin tidak terjejas.

46. Dalam usaha menyusun semula masyarakat, tumpuan kita bukan lagi kepada kuantiti, seperti dalam DEB, tetapi kepada kualiti. Kita telah melihat bagaimana tumpuan kepada kuantiti atau jumlah kekayaan negara yang dimiliki oleh

Bumiputera kerap mengecewakan.

47. Seseorang itu tidak kaya kerana buat beberapa ketika ia memiliki kekayaan. Kekayaan yang sebenar datang daripada keupayaan memilik, mengurus dan menambah wang ringgit dan harta. Untuk ini kecekapan pengurusan harta benda dan wang amatlah penting.

48. Alhamdulillah, melalui beberapa pendekatan, kita telah berjaya meningkatkan kualiti pemilikan kekayaan oleh Bumiputera. Kini bukan sahaja ramai Bumiputera tidak lagi menjual dengan serta merta saham-saham yang diagihkan kepada mereka, tetapi mereka juga berupaya menambah jumlahnya sehingga ada di antara mereka yang dapat menguasai sepenuhnya syarikat-syarikat gergasi milik orang lain. Tanpa apa-apa proses penyusunan semula syarikat, Bumiputera dengan sendirinya mampu menguasai dan mengambilalih syarikat milik orang bukan Bumiputera. Dan mereka mampu menubuh dan membesarkan syarikat-syarikat mereka sehingga menjadi syarikat gergasi.

PENSWASTAAN MENGUNTUNGAN BUMIPUTERA

49. Proses penswastan banyak menolong penyusunan semula masyarakat. Banyak daripada perusahaan dan perniagaan yang terbesar, bahkan yang terbesar sekali di negara ini, hari ini dimiliki dan diuruskan dengan jayanya oleh Bumiputera. Keupayaan mereka mengurus dengan baik berbagai-bagai utiliti yang dahulunya dimiliki oleh Kerajaan sudah tidak disoal lagi. Demikianlah kebolehan mereka sehingga mereka dijemput untuk membina dan mengurus kemudahan infrastruktur oleh kerajaan-kerajaan negara lain. Kemampuan Bumiputera sekarang ini sudah mencapai tahap 'world class'.

50. Penswastan juga memberi peluang kepada pekerja Kerajaan, yang majoritinya adalah Bumiputera, memiliki saham dalam syarikat-syarikat utiliti yang diswastakan dan mendapat upahan serta bonus yang lebih baik daripada yang boleh diberikan oleh Kerajaan.

51. Kontraktor kecil Bumiputera yang cekap dan betul-betul terlibat dalam perniagaan mereka juga mendapat peluang sub-kontrak daripada syarikat-syarikat utiliti dan agensi-agensi Kerajaan yang lain yang telah diswastakan.

52. Hari ini sudah ada ramai Bumiputera di kalangan orang kaya 'millionaire' bahkan 'billionaire' di Malaysia. Dahulu kita soal kenapakah orang yang kaya hanya daripada kaum lain, terutama keturunan Cina? Kita berasa tidak senang hati. Kita berasa marah dengan keadaan tidak seimbang ini. Kita juga hendak melihat ada kaum bangsa kita yang kaya-raya. Hari ini sudah ada daripada kaum kita yang kaya-raya.

53. Malangnya apabila hasrat kita ini tercapai, ada di kalangan kita yang berasa iri hati kepada yang berjaya. Janganlah kita mengertikan Bumiputera itu sebagai diri kita

sendiri sahaja. Janganlah kerana kita sendiri tidak dapat, maka ini bermakna Bumiputera tidak dapat, DEB gagal, DPN gagal dan penyusunan semula masyarakat gagal.

54. Kita tidak pernah menjanjikan bahawa semua Bumiputera akan menjadi `millionaire'. Kita tidak menjanjikan setiap orang daripada Bumiputera akan berjaya. Yang kita janjikan ialah kaum Bumiputera umumnya akan diimbangi daripada segi ekonomi dengan kaum bukan Bumiputera. Ini bermakna kita dan mereka sama miskin dan sama kaya. Melalui DEB kita telah berjaya mencapai lebih kurang 60 peratus daripada segi matlamat kuantiti penyertaan Bumiputera dan melalui DPN kita sudah berjaya sedikit sebanyak menambah kualiti pengusaha Bumiputera dalam bidang ekonomi.

55. Memang benar bukan Bumiputera juga mendapat peluang daripada proses penswastaan. Ini adalah kerana mereka juga berhak. Mereka juga memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Lagipun mereka yang berjaya telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memberi kepada Bumiputera bahagian Bumiputera, sama ada di peringkat pemilikan atau kontrak atau bekalan.

56. Hakikatnya ialah lebih banyak, jauh lebih banyak daripada projek penswastaan, diraih oleh Bumiputera. Jika kita perhatikan dengan waras, kita akan dapati bahawa apabila mana-mana pihak cuba mengambil semua untuk dirinya, hasilnya ialah akhirnya mereka tidak akan mendapat apa-apa, atau pemilikan mereka tidak kekal. Sebenarnya kerana dasar berkongsi secara adil yang kita amalkan, Bumiputera di negara ini lebih berjaya daripada Bumiputera di negara-negara lain. Jika hari ini ada kejayaan di kalangan Bumiputera, sebabnya ialah kerana kita tidak terlalu tamak. Percubaan untuk membangkitkan perasaan marah terhadap dasar penswastaan oleh mereka yang sudah mendapat banyak nikmat daripada proses ini tidaklah sepatutnya dibuat. Tanyalah kepada diri sendiri apakah pembangunan Malaysia boleh menjadi begini pesat jika tidak kerana penswastaan dan agihan secara adil kepada kaum-kaum? Hari ini jika kereta Mercedes ataupun Rolls Royce dibakar dalam rusuhan, kemungkinannya ialah ia milik Bumiputera. Bersyukurlah dengan nikmat yang sudah diperolehi dan insya-Allah kita akan mendapat banyak lagi nikmat. Walaainkafartum inna azabi la syadid.

TANGGUNGJAWAB BERSAMA MENGATASI GEJALA SOSIAL

57. Negara kita kian maju. Daripada sebuah negara pertanian kita sudah menjadi negara industri, walaupun masih di tahap awal. Daripada petani dan nelayan, rakyat kita sudah bertukar menjadi pekerja kilang dan penduduk bandar. Dengan itu perubahan sosial yang ketara telah berlaku.

58. Kemiskinan dan kemunduran mempunyai masalahnya. Kekayaan dan kemajuan juga mempunyai masalahnya. Masyarakat kita yang ingin maju terpaksa menghadapi dan menangani gejala-gejala yang datang bersama dengan perubahan-perubahan

dalam masyarakat kita.

59. Sedikit sebanyak institusi kekeluargaan kita sudah lumpuh. Ibu bapa sudah tidak lagi mampu mengawal dan mendidik anak-anak mereka. Terdedah kepada keadaan kehidupan di bandar dengan kebebasan yang luar biasa, ramai daripada anak-anak bangsa sudah terjebak dengan penyakit-penyakit sosial seperti lepak, bohsia, dan penyalahgunaan dadah.

60. Ada pihak yang berpendapat bahawa jika kita tidak sebut dan kita pejamkan mata, masalah ini akan hilang. Tetapi kita sedar bahawa masalah ini tidak akan hilang dengan kita tidak mengakuinya. Sebaliknya, ia akan menjadi lebih besar dan lebih buruk sehinggalah kita tidak boleh menanganinya sama sekali. Ada juga yang berpendapat bahawa kita harus berundur ke belakang dan menolak pembangunan dan kemajuan. Ini juga bukan cara bagi mengatasi masalah perubahan sosial kita. Kemunduran dan kemiskinan juga penuh dengan masalah. Ingatlah kemiskinan itu hampir kepada kekufuran.

61. Masalah mesti diakui dan dihadapi. Sementara Kerajaan boleh menyusun kegiatan yang mungkin boleh sedikit sebanyak membanteras kerosakan akhlak yang berlaku terutama di kalangan masyarakat belia, benteng yang berkesan sekali ialah semangat dan nilai hidup yang mulia yang dijunjung oleh mereka sendiri. Untuk menanam semangat dan nilai-nilai mulia ini, iaitu membentuk budaya yang boleh menangkis tekanan nafsu yang menyerang kita, semua pihak perlu terlibat. Ibu bapa, guru, media, gerakan kemasyarakatan dan Kerajaan, semuanya mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam usaha pemulihan yang sedang dirancang.

62. Tidak ada tempat untuk mana-mana pihak mempertanggungjawabkan tugas pemulihan yang perlu dibuat kepada pihak yang lain. Semua pihak perlu berganding bahu, mengkaji masalah dan mencipta pendekatan dan tindakan bagi membendung gejala-gejala ini. Ingatlah, sementara ada kaum dan bangsa yang tersungkur kerana perubahan sosial yang telah berlaku, ada kaum dan bangsa yang berjaya menanganinya. Tanpa segan silu kita harus mengkaji dan belajar daripada mereka yang berjaya dan kita tolak sifat-sifat dan nilai-nilai kita yang didapati tidak sesuai lagi dengan iklim semasa. Insya-Allah, jika kita semua berusaha, masalah-masalah sosial ini boleh diatasi dan kita akan dapat meneruskan pembangunan dan kemajuan negara dan bangsa kita.

MALAYSIA KINI LEBIH DIHORMATI

63. Keamanan yang disertai dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam Malaysia yang berbilang kaum adalah satu kejayaan yang menarik perhatian dunia. Mereka yang benci kepada orang Melayu pun terpaksa akui bahawa kejayaan Malaysia amat mengagumkan. Apatah lagi mereka yang seagama dengan kita. Baru-baru ini sebuah badan intelek Arab Islam

telah datang ke sini untuk mengkaji dan mempelajari kejayaan kita, yang mereka akui adalah contoh yang baik bagi mereka.

64. Kejayaan yang kita capai adalah disebabkan oleh banyak faktor. Kebijaksanaan dan kesabaran orang Melayu dan parti mereka UMNO yang tidak terlalu tamak tetapi tidak lupa kepada prinsip perjuangan mereka, iaitu untuk memberi tempat dan kehormatan kepada kaum bangsa Melayu dalam masyarakat Malaysia dan kepada mata dunia, adalah faktor yang terpenting. Janganlah setelah berjaya, kita menjadi angkuh dan kita bakar jambatan yang telah kita gunakan.

65. Di arena antarabangsa pun Malaysia sudah mendapat kehormatan. Tidak seperti dahulu di mana tiada siapa tahu di mana Malaysia dan siapa orang Malaysia. Kini bukan sahaja mereka kenal kita tetapi mereka juga tahu pencapaian kita, bahkan mereka menyanjungi sumbangan kita dan menyokong kita di arena antarabangsa.

66. Hari ini duta-duta kita menyatakan betapa mereka berasa gembira dan bangga menjalankan tugas. Di mana-mana sahaja pintu rasmi Kerajaan terbuka kepada mereka. Mereka diterima sebagai perwakilan negara yang dihormati. Adakalanya apabila duta-duta Malaysia berjumpa dengan pemimpin-pemimpin negara-negara yang dahulunya kita tidak ada hubungan, duta-duta kita ditanya mengenai Wawasan 2020. Sebenarnya Wawasan kita menjadi tumpuan dan perhatian dunia, baik oleh ahli politik dan pemimpin Kerajaan mahu pun oleh tokoh-tokoh perniagaan.

67. Ramai Ketua Kerajaan membuat lawatan ke Malaysia untuk melihat pencapaian kita. Dan ramai pula peniaga dan pengusaha Malaysia, sebilangan yang tidak kecil terdiri daripada orang Melayu dan Bumiputera, yang mengadakan cawangan-cawangan perniagaan mereka di negara-negara asing. Ada Bumiputera yang membeli dan menguruskan hotel-hotel dan perusahaan-perusahaan di negara-negara asing.

SIKAP TEGAS DI ARENA ANTARABANGSA

68. Namun kita tidak terikat dengan keperluan perdagangan kita sehingga kita hilang kebebasan kita. Dalam arena politik dan ekonomi antarabangsa, kita tetap menyuarakan pendapat kita dengan lantang. Kita menegur ketidakadilan kuasa-kuasa besar di Eropah, Asia, Afrika dan wilayah-wilayah lain. Kita mempertahankan hak negara membangun dalam soal hak asasi manusia, alam sekitar, dasar perlindungan Barat, bahkan soal-soal moral. Walaupun kadangkala kita dikecam dan ternampak terpisah daripada sesetengah negara, kita tetap dengan pendirian kita.

69. Pendirian kita mengenai hak asasi manusia tidak terhad kepada orang Islam sahaja. Kita mengecam tindakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menarik keluar askar-askar Eropah apabila rusuhan berlaku di Rwanda. Oleh kerana tindakan ini, 500,000 orang Tutsi dan Hutu terbunuh dalam 'genocide' yang berlaku.

70. Di Bosnia pendirian kita tidak perlu penjelasan. Bukan sahaja orang Islam tetapi orang Croat yang bukan Islam juga mendapat faedah daripada usaha kita. Pendapat kita ialah orang bukan Islam tidak secara otomatis menjadi musuh orang Islam. Kita menentang Zionisme tetapi tidak menentang orang Yahudi. Memang pun ada antara orang Yahudi dan Kristian yang menyokong perjuangan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO). Demikian juga perjuangan orang Islam di Bosnia mendapat sokongan daripada orang bukan Islam. Kita harus mengakui dan menghargai kebenaran ini.

71. Kita menyokong perjuangan PLO untuk membebaskan Palestin. Hanya kerana kita menyokong mereka tidak memberi hak kepada kita untuk mengarah perjuangan mereka. Justeru itu, kita menyokong proses keamanan yang berlangsung sekarang kerana ini adalah kehendak PLO. Kita tidak berhak menyuruh mereka terus berperang dan mengorbankan nyawa mereka, sedangkan kita hidup senang-lenang jauh dari medan pertempuran.

72. Sebagai orang Islam kita menyokong perjuangan untuk keadilan bagi semua orang Islam. Kita tidak bersetuju dengan keganasan yang tidak tentu arah, yang tidak mengambilkira siapa yang menjadi mangsa, sama ada ianya dilakukan oleh bukan Islam atau Islam. Membunuh orang yang tidak berdosa, kanak-kanak, orang tua dan orang awam bukanlah cara yang diizinkan oleh Islam. Walau apa pun matlamat perjuangan, ini bukan caranya. Perjuangan orang Islam menentang segala ketidakadilan dan penindasan mestilah dengan sopan dan berperikemanusiaan. Apa yang kita tidak suka dilakukan kepada kita, janganlah kita terima jika dilakukan kepada orang lain. Islam adalah agama yang suci. Janganlah kita kotorkannya, menyebabkannya menjadi aib kerana nafsu dan kemarahan kita.

73. Mereka yang berpendapat bahawa pandangan orang bukan Islam terhadap Islam tidak penting dan oleh itu kita boleh buat apa sahaja tanpa mengambilkira imej yang buruk yang terpalit kepada kita dan kepada agama kita, sebenarnya mengkhianati agama Islam. Islam tidak menyuruh kita berbuat demikian. Jika tidak kerana kebaikan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w., tidak mungkin Islam berkembang di kalangan orang Jahiliah di zaman Baginda. Sama ada orang lain menerima Islam atau tidak, imej yang baik bagi agama Islam mestilah dipelihara. Mengganas, merosakkan harta benda, merusuh secara membuta-tuli, kononnya kerana mempertahankan hak orang Islam, kerana ingin merosakkan usaha pemulihan keamanan, hanya memburukkan imej agama Islam dan orang Islam tanpa mendatangkan apa-apa faedah. Justeru itu, kita tidak boleh menyokong cara ini. Islam tidak menentukan hanya satu pendekatan sahaja, iaitu menggunakan tangan atau kekerasan dalam mengatasi masalah. Kita boleh menggunakan lidah atau hati. Gunakanlah akal fikiran dalam perjuangan. Singkirkanlah nafsu kerana nafsu tetap membawa kebinasaan.

74. Pendirian kita berkenaan Palestin adalah jelas. Kita tidak akan mengiktiraf Israel selagi pembebasan Palestin dan Baitulmuqaddis belum tercapai dan hak dan harta orang Arab Palestin belum dikembalikan kepada mereka. Kita juga tidak menyokong keganasan yang membuta-tuli untuk menggagalkan proses keamanan. Kita tidak menyokong pembunuhan sesama orang Islam kerana pendirian yang berbeza. Dan kita akan terus menyuarakan pendapat kita ini di mana-mana sahaja.

75. Semua yang dapat kita lakukan adalah kerana sokongan rakyat dan kerana UMNO menjadi teras yang kukuh kepada Kerajaan Barisan Nasional. Sudah tentu jika Barisan Nasional lemah, jika UMNO berpecah-belah, suara Malaysia akan luntur dan tidak dipedulikan oleh sesiapa.

76. Walaupun sanjungan dunia terhadap Malaysia membanggakan kita, UMNO dan Kerajaan tidak boleh lupa bahawa Malaysia adalah 'constituency' kita. Justeru itu, tumpuan yang kuat mesti diberikan kepada politik dan ekonomi negara. Kemungkinannya ialah ini kali terakhir bagi kita mengadakan Persidangan Perwakilan UMNO sebelum Pilihanraya Umum diadakan.

UMNO DAN AMALAN DEMOKRASI

77. UMNO dan rakan-rakan dalam Perikatan dan Barisan Nasional telah berkuasa di peringkat pusat dan hampir di semua negeri sejak kita merdeka hampir 38 tahun dahulu. Dalam sejarah politik demokrasi jarang sekali sesebuah parti dipilih oleh rakyat berkali-kali dengan terus menerus tanpa putus selama hampir empat dekad. Biasanya parti yang memenangi kemerdekaan tidak begitu mampu mentadbir negara yang merdeka dengan jayanya. Berjuang untuk kemerdekaan memerlukan semangat yang kuat. Mentadbir sebuah negara yang merdeka memerlukan kecekapan yang berbeza, kecekapan pengurusan jentera pentadbiran dan keprihatinan terhadap kehendak dan keperluan rakyat.

78. Rakyat akan berasa terhutang budi kepada parti yang berjuang dan membantu negara mencapai kemerdekaan hanya untuk sekian lama sahaja. Rakyat mudah lupa. Generasi baru akan menganggap kemerdekaan sebagai hak dan perkara yang biasa sahaja. Yang akan ditumpukan ialah kejayaan mentadbir dan membangunkan negara dan meletakkannya antara negara-negara yang dihormati.

79. Kelemahan dan kesalahan pemimpin tidak akan dimaafkan walau apa pun jasa mereka dahulu. Lagipun generasi muda biasanya idealistik dan percaya mereka lebih mengetahui bagaimana mengatasi masalah dan menguruskan sesuatu dengan lebih baik.

80. Kita lihat bagaimana pertubuhan yang berjuang untuk kemerdekaan di negara-negara lain sudah hilang lenyap. UMNO juga akan mengalami nasib yang sama jika kita tidak berjaga-jaga, jika kita tidak belajar daripada sejarah di negara lain, dan juga sejarah di negara kita.

81. Perjuangan politik oleh seseorang individu bersendirian sukar mencapai apa-apa kejayaan atau makna. Dalam sistem demokrasi siapa sahaja boleh berjuang dan bertanding dengan bebas, tetapi hasilnya tidak lebih daripada mengeluarkan pendapat yang menghiburkan sahaja.

82. Dalam demokrasi, kita perlu kepada parti politik supaya kita mendapat cukup wakil untuk membentuk Kerajaan dan melaksanakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan kita. Individu dalam pertubuhan perlu menerima bahawa pendirian dan pendapatnya perlu disesuaikan dengan pendapat majoriti. Ahli atau pemimpin yang tidak sanggup menerima pendapat majoriti tidak boleh berada dalam parti. Mereka yang hanya sanggup menyokong parti apabila pendapat majoriti secocok dengan pendapat mereka dan menentang parti apabila majoriti tidak setuju dengan mereka, sebenarnya tidak memahami konsep parti dan tanggungjawab bersama.

83. Untuk menjadikan parti berkesan, pemimpin yang berwibawa diperlukan. Pemimpin dalam parti yang demokratik ditentukan oleh suara ramai. Sudah tentu akan ada minoriti yang tidak menyokongnya. Jika minoriti faham kaedah demokrasi, mereka perlu terima pemimpin pilihan majoriti. Tidak semestinya pendapat mereka tidak akan dihormati oleh parti atau pemimpin. Dalam UMNO kita percaya kepada sistem 'consensus'. Namun jika ini tidak tercapai suara majoriti terpaksa diterima oleh semua pihak.

84. Sementara minoriti mesti menghormati dan akur kepada majoriti, pemimpin majoriti tidak harus menganggap anggota minoriti semuanya musuh. Usaha untuk menyingkir mereka yang tidak bersetuju tidaklah demokratik dan tidak harus dibuat oleh mana-mana pemimpin.

85. Ada parti politik seperti Liberal Democratic Party (LDP) di Jepun yang mempunyai sistem 'faction' yang berkumpul di sekeliling tokoh-tokoh tertentu. Sistem ini tidak baik dan saya tidak perlu cerita tentang apa yang telah terjadi kepada LDP.

86. Kekuatan UMNO sehingga kini adalah kerana ketumpatan atau kepadatan kita. Pemimpin biasanya diberi ketaatan dan kesetiaan oleh semua pihak. Perebutan tidak begitu berlaku. Tradisi dan adat resam orang Melayu masih mempengaruhi kita semua, alhamdulillah.

87. Saya berpendapat bahawa pemimpin yang lemah bagi parti yang kukuh dan tumpat adalah lebih baik dan berkesan daripada pemimpin yang kuat dalam parti yang lemah dan berpecah-belah. Ingatlah menjelang pilihanraya janganlah sesiapa ghairah membuat apa-apa yang boleh memecah-belah dan melemahkan parti kita. Kita tidak akan menang jika parti kita kalah. Kita tidak akan kalah jika parti kita menang. Dalam pilihanraya, yang penting bukan individu tetapi parti. Justeru itu utamakanlah parti. Amatlah tidak logik jika kita mengharap semua pihak menyokong kita bila kita

bertanding, tetapi kita tidak akan menyokong jika orang lain bertanding. Mereka yang hari ini mendapat tempat dan kedudukan harus ingat bahawa tempat dan kedudukan yang mereka dapati adalah kerana sokongan orang lain. Janganlah mereka tidak aktif apabila penyokong mereka dahulu pula mendapat peluang untuk bertanding sedangkan mereka digugurkan, mungkin setelah berkali-kali menikmati sokongan dan mendapat tempat.

88. Saya jarang berpantun. Tetapi izinkanlah saya berpantun buat kali pertama.
Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.

89. Janganlah berkata setakat kenang sahaja. Balaskanlah jasa. Janganlah bersara dan menjadi 'elder statesman' yang berkecuali melainkan jika kita uzur. Apa yang ada pada tiap seorang daripada kita hari ini adalah hasil perjuangan parti. Justeru itu, balaskanlah jasa parti. Janganlah kita rosakkan parti hanya kerana kita tidak mendapat kali ini sedangkan dahulu kita mengecapi banyak nikmat. Bagi yang sabar mungkin ada peluang lagi.

90. Daripada segi prinsip, perjuangan UMNO tidak pernah berubah. Kita berjuang untuk kepentingan orang Melayu dan agama Islam. Tetapi daripada segi pendekatan, kita sering berubah mengikut keadaan masa dan sekitar.

91. Kita bekerjasama dengan MCA dan MIC walaupun kita telah menentang pendirian orang bukan Melayu semasa Malayan Union. Kita sanggup bekerjasama dengan mereka kerana sementara mereka memperolehi kebaikan daripada kerjasama ini, kita tidak rugi apa-apa. Bahkan kerjasama inilah yang berjaya memerdekakan negara kita lebih awal dan memberi hak kepada kita mentadbir dan membangunkan negara kita sehingga ke tahap yang tinggi ini.

92. Kemudian dengan tubuhnya Malaysia, kita bekerjasama pula dengan parti-parti di Sabah dan Sarawak. Sekali lagi kita tidak rugi apa-apa. Perjuangan kita untuk orang Melayu tidak terjejas tetapi rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak dapat membebaskan diri mereka daripada belunggu penjajahan British dan membangunkan Sabah dan Sarawak seperti negeri-negeri di Semenanjung dan Selat dibangunkan.

93. Pada tahun 1974 Barisan Nasional ditubuhkan. UMNO terus memainkan peranan sebagai teras dan tulang belakang. Perjuangan kita tidak terjejas tetapi Parti Gerakan, PAS dan PPP bekerjasama dengan kita setelah kaum-kaum bertegang dan merusuh dalam tahun 1969.

94. Sekarang kita terima pula Bumiputera dari Sabah yang terdiri bukan sahaja daripada orang Islam tetapi juga yang bukan Islam. Mereka yang bukan Islam tidak menentang dasar dan perjuangan kita untuk menegakkan agama Islam. Dan kita

juga menerima mereka tanpa menghalang pegangan agama mereka. Sebenarnya penyertaan bukan Islam dalam UMNO bukanlah baru. Orang keturunan Thai menjadi ahli UMNO sejak awal lagi. Mereka tidak sedikit pun menjejaskan pegangan dan perjuangan UMNO berkenaan dengan agama Islam. Sebaliknya, mereka dan Bumiputera lain dapat dilindungi oleh kekuatan UMNO dan memainkan peranan yang berkesan dalam parti dan dalam Kerajaan.

95. Sekali lagi janganlah pihak lain cuba menjadikan ini isu politik. Mereka juga bekerjasama dengan penganut agama bukan Islam demi kepentingan politik mereka. Hanya yang berbeza ialah rakan-rakan mereka secara lantang menentang perjuangan keagamaan mereka.

96. Mereka yang baru menyertai UMNO perlu memahami dan menerap nilai dan pendekatan UMNO. Tabiat melompat tidak menguntungkan diri sendiri. Orang yang suka melompat terlalu kerap tidak boleh dipercayai. Mereka jelas tidak mempunyai pendirian. Mereka hanya mengutamakan kepentingan diri sepanjang masa.

97. Mereka yang baru menyertai UMNO harus menolak sifat katak atau belalang yang suka melompat. Dalam UMNO proses balik ke pangkal jalan tidak begitu mudah. Justeru itu, pilihlah UMNO secara kekal, dan bukan sebagai batu loncatan.

BERSEDIA HADAPI PILIHANRAYA

98. Persediaan untuk Pilihanraya Umum sudah dibuat oleh bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan UMNO. Tetapi persediaan boleh ditingkatkan lagi. Jangan terlalu yakin sehingga lalai. 'Larian kering' dan 'larian basah' perlu diulang berkali-kali untuk menentukan kelemahan dikenalpasti dan diatasi. Kita tidak mungkin 'perfect' atau sempurna, bebas seratus peratus daripada cacat cela. Tetapi kita perlu berusaha ke arah 'perfection'.

99. UMNO tidak harus kalah. Sokongan kepada kita cukup. Ahli kita cukup. Pekerja kita cukup. Peruntukan pun cukup, jika tidak ada perbelanjaan yang keterlaluan. Mereka yang percaya bahawa hanya peruntukan yang boleh menentukan kejayaan adalah salah. Kegagalan lebih disebabkan oleh sikap dan usaha yang tidak bersungguh-sungguh. Bagi yang betul-betul berusaha, peruntukan memainkan peranan sampingan sahaja.

100. Insya-Allah jika kita berusaha bersungguh-sungguh, kita akan mengadakan Mesyuarat Perwakilan 1995 dalam suasana yang lebih riang dan gembira. Jika kita muram, tidak ada siapa yang boleh kita salahkan melainkan diri kita sendiri.

101. Kita bersidang hari ini kerana Parti kita UMNO dan kita sendiri mempunyai komitmen dan keprihatinan terhadap bangsa, agama dan negara. Mudah-mudahan niat kita yang ikhlas ini akan direstui oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.
Selamat bersidang.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.